



BAHAGIAN BUKU TEKS
JABATAN SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TINGKAT 12-14, 17 & 20, BANGUNAN BANK PERTANIAN
LEBOH PASAR BESAR
50604 KUALA LUMPUR
<http://www.moe.gov.my>

Telefon : 03-20987507
No. Fax : 03-26939000
No. Fax : 03-26929304

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : KP.BT.8945/Jld.18 (86)

17 Jun 2003
24 Rabiulakhir 1424H

Pengarah
Semua Jabatan Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMULANGAN BUKU TEKS SPBT BAGI MURID KELAS PEPERIKSAAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Y. Bhg. Dato' KPPM amat prihatin terhadap keperluan buku teks bagi semua murid terutamanya murid-murid tahun 6, tingkatan 3 dan 5 yang akan menduduki peperiksaan awam.
3. Berpanduan keperihatian berkenaan, murid tahun 6 dan murid tingkatan 3 serta 5 di bawah program Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dibenarkan menyimpan buku teks SPBT sehingga hari terakhir murid-murid ini menduduki peperiksaan awam.
4. Bagi murid tingkatan 4 di bawah program SPBT, buku teks SPBT boleh digunakan sebagai bahan ulangkaji sepanjang cuti akhir tahun persekolahan. Buku teks SPBT akan dikutip semula pada tahun berikutnya sebaik sahaja murid-murid ini mendapat bekalan buku teks SPBT tingkatan 5.

"BUKU BERMUTU KECEMERLANGAN PENDIDIKAN"

(Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

5. Keputusan ini diambil sebagai menyahut saranan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia untuk membantu murid-murid di bawah program SPBT mengulangkaji pelajaran dan menggunakan buku teks sebagai bahan rujukan tambahan bagi persediaan menghadapi peperiksaan awam.

6. Pihak sekolah diminta memastikan buku teks yang berada ditangan murid semasa cuti persekolahan di akhir tahun dijaga dengan baik dan dipulangkan kepada pihak sekolah setelah selesai digunakan. Pihak sekolah tidak dibenarkan membuat pesanan tambahan bagi menampung keperluan murid-murid yang gagal memulangkan buku teks SPBT pada waktu yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

7. Sehubungan itu, Bahagian ini memohon Jabatan Pendidikan Negeri memanjangkan makluman ini kepada semua sekolah di bawah jabatan masing-masing.

Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI SAHBAN BIN MUKSAN)

Pengarah
Bahagian Buku Teks
Jabatan Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

- i. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Jabatan Sekolah)
- iii. Fail BBT/SPBT